

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN ALAT PERUBATAN DAN BAKUL MAKANAN  
Lokasi : KLINIK KESIHATAN JELI, KELANTAN  
Tarikh : 23-04-1995

1. Saya berasa bangga dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di majlis penyerahan mesin 'defibrillator cum ECG' dan bakul makanan untuk Klinik Kesihatan Jeli pada hari ini. Mesin ini adalah satu sumbangan ikhlas daripada BAKTI dan diharap mesin ini akan dapat membantu kakitangan di Klinik ini untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih lengkap dan efisien kepada penduduk di daerah Jeli.

2. Saya juga berharap bakul-bakul makanan yang akan dibahagikan nanti akan dapat membantu keluarga- keluarga yang mempunyai kanakkanak yang kurang zat makanan, di samping menyediakan makanan seimbang bagi kanak-kanak supaya berat badan mereka akan terus meningkat. Ini akan dapat memastikan bahawa kanak-kanak tersebut lebih sihat dan cergas.

3. Satu program khas untuk membantu penduduk- penduduk yang termiskin, iaitu Program Pembangunan Rakyat Termiskin, telah dimulakan oleh Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1989. Sejak tahun itu, program khas ini telah dilaksanakan di semua negeri di Malaysia termasuk negeri Kelantan. Untuk tujuan ini berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan semata- mata untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini supaya mereka tidak terus tertinggal dalam arus pembangunan negara.

4. Di Jajahan Jeli pula, di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin ini, pada 1993 sebanyak RM35,700 telah dibelanjakan untuk faedah 147 orang kanak-kanak yang kurang zat makanan, manakala pada tahun ini, sebanyak RM107,300 telah disediakan untuk faedah 170 orang kanak-kanak di dalam golongan tersebut.

5. Melalui program khas ini, di seluruh negeri Kelantan, sebanyak RM885,450 telah dibelanjakan oleh Jabatan Kesihatan pada tahun 1993 bagi 1,238 orang kanak-kanak di bawah umur lima tahun yang kurang zat makanan. Pada tahun ini, peruntukan sebanyak RM864,000 telah disediakan bagi 1,200 orang kanak- kanak yang kurang zat makanan di negeri ini.

6. Dengan program khas ini, kita dapati, bilangan kanak-kanak di bawah umur lima tahun yang kurang zat makanan di Jajahan Jeli telah berkurangan.

7. Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap taraf kesihatan penduduk-penduduk di seluruh negara kita, termasuk penduduk-penduduk di negeri Kelantan.

Dalam hal ini Kerajaan Persekutuan sanggup membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membolehkan kanak-kanak daripada keluarga termiskin mendapat makanan yang mencukupi dan seimbang supaya dapat mencapai taraf kesihatan yang baik.

8. Saya berharap semoga sumbangan alat perubatan dan bakulbakul makanan daripada BAKTI ini akan dapat memperbaiki sedikit sebanyak taraf kesihatan penduduk di Jeli ini.